

10/05/1999

Deklamasi puisi sempena ulang tahun Umno ke-53

PUSAT Ukhuwah, Tarbiah dan Riadah Rakyat (Putra) Kampung Chengal, Kadok, di pinggir Sungai Tasek Jawa dengan keindahan alam semula jadinya yang juga menjadi pusat pembangunan minda rakyat Parlimen Peringkat, akan bergema memecah kesunyian malam di kampung itu menerusi majlis deklamasi puisi.

Majlis `Malam Puisi Putra' itu akan berlangsung malam ini sempena perayaan sambutan hari ulang tahun kelahiran Umno ke-53.

Deklamasi puisi itu dijangka hangat apabila membariskan lebih 12 tokoh pemuisi tanah air, termasuk dari Singapura dan Sabah di samping dari negeri Cik Siti Wan Kembang.

Turut memeriahkan Malam Puisi Putra itu termasuk penyertaan beberapa tokoh aktivis teater dan artis tempatan.

Antara yang akan mendeklamasi puisi malam itu ialah Wadi Leta SA, Marsli NO, Rosli K Matari. Turut menyertai bersama dua artis dari Singapura yang juga penyanyi lagu puisi iaitu Ramli Sarip dan M Nasir serta Julfikar (Sabah) di samping penyanyi kumpulan Kopratsasa, Sani Sudin.

Dua lagi aktivis teater tidak asing lagi Ras Adiba Radzi dan Marlia Musa akan turut mendeklamasikan puisi masing-masing manakala pemuisi dari Kelantan Rahimidin Zahari, Mokhtar Awang dan pelakon drama sitcom bercorak komedi Pi Mai Pi Mai Tang Tu, Sabri Yunus.

Lebih menarik lagi malam deklamasi puisi putra itu turut diserikan penyertaan beberapa menteri diketuai Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Alfred Jabu; Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Nasir Tun Sakaran; dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Shariff Omar.

Malam mendeklamasi puisi itu antara lain untuk memanifestasi dan meningkatkan semangat patriotisme kepada negara, kecintaan kepada negara, agama dan bangsa, kecintaan kepada alam semula jadi, memperkukuh seni budaya bangsa dan semangat ingatan kepada kelahiran perjuangan bangsa Melayu menerusi Umno.

Antara puisi paling menarik yang mempunyai pengertian mendalam mengenai perjuangan bangsa hasil nukilan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertajuk Perjuangan Belum Selesai dijangka dideklamasikan Ras Adiba.

Bercakap pada sidang akbar mengenai Malam Puisi Putra di Kem Putra, di Ketereh baru-baru ini, Annuar berkata deklamasi puisi itu adalah pertama kali dipersembahkan secara terbuka di Kem Putra yang memberi peluang kepada penduduk tempatan menyertai bersama memeriahkan majlis itu.

Katanya, majlis itu juga diadakan bersempena jamuan makan malam meraikan peserta persidangan mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Luar Bandar yang akan berlangsung di Kota Bharu selama dua hari, bermula semalam.

Malam Puisi Putra ini juga bertujuan meningkatkan semangat dan rasa tanggungjawab kepada negara, perjuangan bangsa, agama, prinsip ketuhanan, masyarakat luar bandar dan menggalakan kefahaman generasi muda terhadap semangat patriotisme mereka.

"Malam deklamasi puisi ini juga terbuka kepada penduduk tempatan dan orang ramai yang berminat mendeklamasikan puisi masing-masing," katanya.

(END)